

05 APR 1998

DR MAHATHIR PULANG DARI ASEM (bergambar)

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air hari ini setelah menghadiri Mesyuarat Asia Eropah (Asem) di London.

Ketibaan beliau bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri kabinet.

Mesyuarat Asem selama tiga hari itu dihadiri pemimpin-pemimpin 15 negara Eropah dan 10 dari Asia.

Sebelum mesyuarat itu, Dr Mahathir melawat kilang Volvo di Sweden. --  
BERNAMA

ES MAI